



30 November 2016
30 November 2016
P.U. (A) 303

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PASPORT (VISA KEPADA PEMEGANG
PASPORT BAGI KEGUNAAN RASMI REPUBLIK RAKYAT
CHINA) (PENGECUALIAN) 2016

*PASSPORTS (VISA TO THE HOLDER OF THE PASSPORT FOR
PUBLIC AFFAIRS OF THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA)
(EXEMPTION) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASPORT 1966

PERINTAH PASPORT (VISA KEPADA PEMEGANG PASPORT BAGI KEGUNAAN RASMI
REPUBLIK RAKYAT CHINA) (PENGECCUALIAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Pasport 1966 [*Akta 150*],
Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasport (Visa kepada Pemegang Pasport bagi Kegunaan Rasmi Republik Rakyat China) (Pengeccualian) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2016
hingga 31 Disember 2017.

Pengeccualian

2. Menteri mengeccualikan pemegang Pasport bagi Kegunaan Rasmi yang
merupakan warganegara Republik Rakyat China daripada kehendak visa yang
dikehendaki di bawah subseksyen 2(1) Akta tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) tempoh Pas Lawatan Sosial yang diberikan kepada pemegang Pasport bagi
Kegunaan Rasmi hanya terhad kepada tiga puluh hari bagi setiap
kemasukan tanpa apa-apa pelanjutan tempoh;
- (b) pemegang Pasport bagi Kegunaan Rasmi tidak dibenarkan untuk memohon
apa-apa pas lain yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan
Imigresen 1963 [*L.N 228/1963*]; dan
- (c) pemegang Pasport bagi Kegunaan Rasmi hendaklah masuk dan keluar dari
Malaysia hanya melalui pintu masuk yang dibenarkan sebagaimana yang
diwartakan di bawah subseksyen 5(1) Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*].